

# Hujan diramal berterusan hingga Isnin

DARI MUKA 1

Banjir pertama bermula 17 Disember lalu, yang terburuk di negeri ini dalam tempoh 100 tahun, menyebabkan kerugian harta benda bernilai lebih RM100 juta dan 15 nyawa terkorban.

Keadaan banjir kedua di Johor dijangka lebih buruk berikutan amaran Jabatan Perkhidmatan Kaji Cuaca bahawa hujan di negeri itu akan berterusan sehingga Isnin ini.

Fenomena air laut pasang juga menyebabkan beberapa kawasan dinaiki air sehingga lebih 2 meter tidak sampai 10 minit menyebabkan ramai penduduk tidak sempat menyelamatkan barangan masing-masing.

Sehingga jam 8 malam tadi, 20,349 mangsa banjir daripada 4,489 keluarga dipindahkan ke 129 pusat pemindahan di semua tujuh daerah, kecuali Muar.

Johor Bahru kawasan paling teruk dinaiki air dengan 8,810 mangsa daripada 1,658 keluarga dipindahkan ke 31 pusat pemindahan, diikuti Kluang seramai 7,194 mangsa, Kota Tinggi (1,999), Batu Pahat (1,530), Segamat (483), Pontian (173) dan Mersing (160).

Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, yang ditemui pemberita selepas mendengar taklimat Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri mengarahkan operasi memindahkan penduduk digerakkan sebaik air sungai utama mencecah paras amaran.

Katanya, semua agensi kerajaan yang terbabit dalam menghadapi bencana kemungkinan banjir kali kedua itu, sudah diletakkan dalam keadaan bersiap sedia.

"Kita tidak mahu operasi pemindahan mangsa banjir dilakukan pada waktu malam kerana menunggu paras air sungai mencecah paras bahaya terlebih dulu.

"Walaupun air sungai mencecah paras amaran, penduduk perlu mematuhi arahan jika diarah berpindah kerana paras air boleh naik dengan cepat," katanya.

Sementara itu, Ketua Polis negeri, Datuk Hussin Ismail, mengarahkan semua bilik gerakan banjir di lapan daerah dibuka semula.

Hussin berkata, polis negeri juga sudah menggerakkan semua aset termasuk menghantar 33 anggota dan pegawai Pasukan Gerakan Am (PGA) ke Kluang.

Sebelas bot Polis Marin juga dihantar ke kawasan Johor Bahru Selatan, Johor Bahru Utara dan Kota Tinggi bagi menyelamatkan serta memindahkan mangsa banjir.

"Ketua Polis Daerah dan Ketua Polis Balai turut diarah meneruskan rondaan bagi mengelakkan kejadian pecah rumah atau rompak di kawasan yang terjejas dengan banjir," katanya.



LALUAN SELAMAT: Pekerja kilang meniti pembahagi jalan selepas Jalan Tun Habab, Kota Tinggi dinaiki air. ● Lagi berita, gambar di muka 4 dan 5

# Banjir besar kembali

## 7 daerah di Johor dinaiki air selepas hujan lebat dua hari

**J**OHOR BAHRU: Banjir besar kembali melanda Johor apabila tujuh daerah dinaiki air selepas hujan lebat berterusan sejak dua hari lalu ketika negeri ini belum pulih sepenuhnya daripada bencana sama, bulan lalu.

Sehingga jam 8 malam tadi, lebih 20,000 penduduk di semua daerah di negeri ini kecuali Muar, dipindahkan ke 129 pusat pemindahan, manakala 46 sekolah yang dibuka selepas banjir bulan lalu pulih, ditutup semula.

'Gelombang kedua' banjir semalam menyebabkan keadaan kelam-kabut di pusat bandar raya ini apabila Wisma Persekutuan dinaiki air sedalam lebih 2 meter mengakibatkan ratusan kakitangan awam terkandas dalam kesesakan lalu lintas berikutan Jalan Air Molek terputus hubungan bermula jam 7 pagi.

Kota Tinggi yang ditenggelami air

sehingga paras dada hanya boleh dihubungi melalui Jalan Johor Bahru-Sungai Sayong-Kota Tinggi. Balai Polis Plentong dekat sini turut ditutup selepas ditenggelami air lebih 2 meter bermula lewat petang kelmarin.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang berada di Cebu City, Filipina kerana menghadiri Sidang Kemuncak BIMP-EAGA dan IMT-GT, merakamkan simpati kepada rakyat Johor dan berjanji akan melawat negeri ini dalam tempoh terdekat.

"Saya sedih dengan penderitaan mangsa banjir di Johor dan kerajaan tidak akan lepas tangan. Kita akan beri bantuan sebab takkanlah masa banjir kali pertama kita bagi dan kali ini tak beri," katanya.

LIHAT MUKA 2



TINGGAL BUMBUNG: Keadaan rumah yang ditenggelami air di Kampung Laut, Skudai.



CEPAT TURUN: Orang awam membantu penduduk Taman Kemang, Kota Tinggi yang memanjat bumbung selepas rumah mereka ditenggelami air.